

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kluster baharu di Bukit Jalil

35 kes dikesan di Depot Tahanan Imigresen babit bukan warganegara

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan satu kluster baharu dikesan di Depot Tahanan Imigresen di Bukit Jalil di sini, membabitkan 35 kes positif COVID-19, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua kes positif itu membabitkan bukan warganegara Malaysia iaitu 17 warga Myanmar, 15 (India) dan masing-masing seorang warga Sri Lanka, Bangladesh dan Mesir.

"Sehingga jam 12 tengah hari tadi (semalam), seramai 645 orang diambil sampel secara keseluruhan yang mana 35 kes positif COVID-19, 400 kes negatif dan 210 masih menunggu keputusan.

"Mereka berada dalam tahanan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula

pada 18 Mac lalu dan ada antara mereka yang dihantar pulang. Kami dimaklumkan ada yang positif menerusi ujian dilaksanakan di negara asal.

"Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) menjalankan saringan di sebuah blok A di depot itu dan mendapati 34 kes positif hari ini manakala semalam satu kes dan kini mereka diasingkan serta diberi rawatan.

"Pelbagai langkah pencegahan dan kawalan sudah dijalankan seperti proses nyahkuman, pendidikan kesihatan merangkumi penjagaan kebersihan diri, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun serta penekanan mengenai penjarakan sosial.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan dan tidak menolak kemungkinan mereka dijangkiti melalui pengendali makanan," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Beliau berkata, KKM menyediakan perkhidmatan kesihatan ke semua pusat depot tahanan secara berjadual oleh pasukan kesihatan dari Klinik Kesihatan yang terdekat.

Katanya, anggota pasukan kesihatan terbahit merangkumi

pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, jururawat terlatih dan jururawat masyarakat dengan perkhidmatan diberi antaranya rawatan penyakit ringan, rawatan awal kecemasan, pemeriksaan kesihatan ibu hamil, bayi dan kanak-kanak.

"Kes yang memerlukan rawatan pesakit dalam dan kes kecemasan seperti ibu bakal bersalin dirujuk ke hospital KKM berdekatan. Semua perkhidmatan yang diberikan tidak dikenakan caj fi," katanya.

Bagi memastikan kes jangkitan COVID-19 dapat dikesan sepenuhnya, Dr Noor Hisham berkata, Pejabat Kesihatan Daerah akan meneruskan tindakan iaitu menggunakan pendekatan tertumpu membabitkan siasatan, pengesanan kontak rapat, saringan gejala dan pensampelan untuk mengesan kes aktif.

Secara keseluruhan, katanya, saringan membabitkan bukan warganegara ialah seramai 27,198 dan kes positif COVID-19 ialah 1,367 atau lima peratus, 429 sedang dirawat atau 31.4 peratus dan tiga pesakit masih dirawat di unit rawatan rapi (ICU), manakala empat kematian direkodkan.

Beliau berkata, empat lagi kluster yang aktif ialah Pasar Kajang dengan penambahan dua kes baharu menjadikan keseluruhan lima kes dan masing-masing satu kes baharu di kluster Pesantren (232), Sendayan (112) dan Pasar Chow Kit (89).

Sementara itu, KKM mengisytiharkan dua lagi pemantauan kluster ditamatkan menjadikan keseluruhan 13 kluster akibat pandemik COVID-19.

Dalam satu hantaran di Facebook KKM semalam, diperincikan kepada Kluster Seksyen 6 Bandar Baru Bangi, Kluster warga emas (pusat jagaan warga emas), Kluster Bandar Baru Bangi (majlis perkahwinan), Kluster Selayang (pasar harian), Kluster Rembau dan Kluster Tabligh Pakistan.

Selain itu, ia merangkumi Kluster petugas kesihatan Sungai Buloh, Kluster Pekan, Kluster kilang Pasir Gudang, Kluster penduduk Bandar Baru Ibrahim Majid (BBIM), Kluster Tabligh Makassar Sabah, Kluster Pengarang dan Kluster Istana Negara.

"Kluster berkenaan diisytiharkan 'tamat' bermakna tiada lagi kes baharu dicatatkan



Punca jangkitan masih dalam siasatan dan tidak menolak kemungkinan mereka dijangkiti melalui pengendali makanan.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



berdasarkan tempoh ditetapkan. "Kriteria utama menamatkan sesuatu kluster adalah tiada kes baharu selepas dua kali tempoh inkubasi yang mengambil masa 14 hari atau satu inkubasi iaitu 28 hari selepas tarikh gejala bagi kes yang terakhir atau tarikh positif COVID-19 jika kes terakhir tiada gejala," katanya.

90 lagi pesakit pulih, tiada kematian dilapor

Putrajaya: Sebanyak 90 kes pulih daripada COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sebanyak 5,796 kes atau 82.1 peratus daripada keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bilangan kes pulih

adalah hampir dua kali ganda berbanding 50 kes baharu yang dilaporkan sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Katanya, pertambahan kes baharu menjadikan jumlah kumulatif kes kepada 7,059 kes, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan CO-

VID-19 adalah 1,149.


"Daripada 50 kes baharu dilaporkan, tiga kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara, manakala 47 kes adalah penularan tempatan dengan 41 kes bukan warganegara, yang

mana 34 kes dikesan di Depot Tahanan Imigresen (DTI) di Bukit Jalil.

"Sehingga kini, 10 kes positif COVID-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU). Daripada jumlah berkenaan, tujuh memerlukan bantu-

an pernafasan," katanya dalam sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan tiada pertambahan kematian berkaitan COVID-19 dan angkanya kekal 114 kes atau 1.61 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.



Grafik BH

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

'Tak dapat subsidi harga Remdesivir'

Malaysia tidak tersenarai status negara lesen terkawal

Putrajaya: Malaysia tidak termasuk dalam senarai lesen terkawal untuk mendapatkan sesetengah ubatan berikutan status negara sedang membangun.

Atas sebab itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Malaysia tidak tersenarai dalam lesen ter-

kawal mendapatkan ubat Remdesivir pada harga subsidi bagi rawatan wabak COVID-19.

Beliau berkata, ia kekangan sama yang dihadapi negara sebelum ini untuk mendapatkan ubatan bagi rawatan pesakit Hepatitis C pada harga subsidi.

"Sebagai negara membangun, contohnya ubat untuk Hepatitis C, kita dikeluarkan daripada senarai lesen terkawal itu walaupun Malaysia cuba disenaraikan dalam kelompok paten ubat (MPP), namun kita diketepikan.

"Atas sebab itu, kita menggunakan kaedah penggunaan lesen wajib untuk memperoleh ubatan,

Malaysia tidak tersenarai dalam lesen terkawal mendapatkan ubat Remdesivir pada harga subsidi bagi rawatan wabak COVID-19.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

contohnya untuk Hepatitis C," katanya a pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ketika ini Kementerian Kesihatan (KKM) dalam kajian bersama menggunakan Remdesivir membabitkan 93 pesakit, dengan 12 daripada mereka sudah diberikan ubat terbabit.

"Jika ubat itu benar-benar berkesan, kita akan melihat cara lain mendapatkannya," katanya.

Lesen terkawal adalah kebenaran diberi pemegang paten kepada syarikat generik, membolehkan ia menghasilkan bahan yang

dipatenkan seperti ubat-ubatan. Lesen itu lazimnya menetapkan syarat dan pasaran untuk penjualan bahan berkenaan oleh pemegang lesen.

Ahli Parlimen Bandar Kuching, Kelvin Yii Lee Wuen, pada satu kenyataan media semalam, berkata kerajaan dan KKM perlu mendapatkan penerangan terperinci mengapa Malaysia tidak boleh mendapat versi generik Remdesivir sedangkan terbabit dalam kajian bersama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berhubung keselamatan serta keberkesanan Remdesivir dan tiga rawatan lain untuk COVID-19.

KKM terima sumbangan lebih RM1.4 juta

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) menerima sumbangan peralatan, bekalan makanan, al-Quran dan penginapan berjumlah lebih RM1.4 juta daripada pelbagai pihak, semalam.

Yayasan MyPrihatin menyumbangkan 50,000 set peralatan perlindungan peribadi (PPE) bernilai RM1 juta yang dihasilkan dengan kerjasama Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) untuk kaatungan barisan hadapan.

Sumbangan disampaikan Pengerusinya, Prof Datuk Dr Halimaton Hamdan dan Ketua Pegawai Eksekutif PruBSN, Wan Saifulrizal Wan Ismail.

Healthy Lifestyle Sdn Bhd (Ogawa Malaysia) yang diwakili Pengurus Jualan Serantannya, Leong Boon Hong, menyumbangkan 20 unit kerusi urut Ogawa, 30 unit alat pembersih udara Ogawa dan 1,200 pelitup muka KN95.

Gunung Capital Berhad yang diwakili Pengarah Pelaburan dan Kewangannya, Khairul Anuar Mohamad, menyumbangkan 2,000 pelitup muka dan keperluan harian seperti makanan serta peralatan sokongan perlindungan kesihatan bernilai RM100,000.

Scientex Berhad dan Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (MPMA) menyumbang 45,000 unit topeng muka tiga lapis yang disampaikan oleh Pengarah Eksekutif Bahagian Pengilangan Scientex Berhad, Goh Tian Chi.

KKM turut menerima 2,000 al-Quran daripada Yayasan Restu yang diwakili Pengerusinya, Datuk Abdul Latiff Mirasa dan Ahli Lembaga Pemegang Amanahnya, Datuk Ahmad Maslan.

Sebanyak 2,000 set PPE dan 2,000 pelitup muka diterima daripada MyFundAction dan Pertubuhan Kesihatan Jantung Malaysia (MyHEART) yang disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif MyFundAction, Muhammad Afiq Moha-



Dr Adham menerima sumbangan PPE bernilai RM600,000 daripada Yayasan MyPrihatin yang disampaikan Halimaton di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

mad Nazari.

Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad (Koop Sahabat) menaja 150 bilik penginapan dan makan minum percuma di Hotel Carlton Shah Alam.

Koop Sahabat diwakili Pengerusi Lembaga Koperasi Sahabat, Mohd Najib Mohd Noor.

Persekutuan Agama Buddha Tantrayana Chen Foh Chong Malaysia yang diwakili Presidennya, Acarya Lian Tai, menyumbang 10,000 set PPE.

Sebanyak 20,000 unit pelindung muka, 5,000 PPE dan masing-masing 500 unit tudung, set gaun dan sarung kaki turut disumbangkan Briged Negaraku yang disampaikan oleh Presidennya Khairul Nizam Mohd Sopery, manakala UMW Holding menyumbangkan 5,000 unit pelindung muka ber-

jumlah RM20,000 yang disampaikan Presiden Pembuatan dan Kejuruteraan Kumpulan UMW, Datuk Abdul Rashid Musa.

Semua sumbangan diterima oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, di sini.

Sementara itu, Dr Halimaton berkata, penularan wabak COVID-19 di negara ini meningkatkan permintaan terhadap PPE.

"Sebagai sokongan kepada usaha kerajaan memastikan keselamatan petugas barisan hadapan kesihatan negara, kami bekerjasama dengan PruBSN untuk menghasilkan peralatan itu bagi diagihkan kepada 2,000 hospital dan klinik kesihatan terutama di kawasan Zon Merah di seluruh negara.

"Inisiatif ini turut membantu 60 peserta golongan isi rumah berpendapatan rendah di sekitar Se-



Ahmad Maslan menyerahkan 2,000 al-Quran daripada Yayasan Restu kepada Dr Adham di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)



Boon Hong (kanan) menyerahkan sumbangan kerusi urut, penapis udara serta pelitup muka berjumlah RM249,450 daripada Healthy Lifestyle kepada Dr Adham, semalam. (Foto BERNAMA)

langor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, yang menghasilkan set PPE melalui beberapa program sedia ada dan Projek Prihatin.

"Kami amat berterima kasih

atas kerjasama PruBSN Prihatin dalam usaha mengumpul dana dan sumbangan PruBSN Prihatin bagi menghasilkan PPE," katanya dalam satu kenyataan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

30 ahli keluarga sudah disaring

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) sudah melakukan saringan terhadap 30 ahli keluarga wanita hamil di Kelantan yang disahkan positif COVID-19 selepas melakukan perjalanan rentas negeri dari Ampang, Selangor, baru-baru ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 20 ahli keluarga yang melalui saringan itu dikesan negatif COVID-19, manakala 10 lagi masih menunggu keputusannya.

"Kita juga akan melihat dari aspek kontak rapat sama ada di tempat destinasi itu atau tempat asal di Ampang dan jalankan pengesanan kes aktif dalam kalangan kontak rapat di kawasan itu," katanya, semalam.

Dengan penambahan satu kes positif COVID-19 membabitkan wanita hamil itu di Kelantan kelmarin, ia menjadikan kes kumulatif di negeri itu ialah sebanyak 156 kes.

Kelmarin, KKM mengesahkan bahawa wanita hamil 35 minggu itu positif COVID-19 selepas melakukan rutin pemeriksaan di klinik kesihatan ibu dan anak di Kuala Krai, Kelantan melakukan perjalanan dari Ampang, yang juga kawasan berstatus zon merah.

Wanita berkenaan tiba di Kampung Sungai Durian, Kuala Krai di sini, pada Jumaat lalu, iaitu di luar tempoh pergerakan rentas negeri yang dibenarkan di antara 7 hingga 10 Mei lalu.

Wanita mengandung yang disahkan positif COVID-19 itu, pulang ke kampung halaman untuk bersalin anak kedua.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

20 kontak wanita hamil negatif Covid-19

Kota Bharu: Seramai 20 kontak kepada wanita hamil yang positif Covid-19 termasuk kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun didapati negatif dalam ujian saringan yang dilakukan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, seramai 10 lagi kontak dengan pesakit berkenaan akan menjalani ujian saringan.

"Alhamdulillah, setakat ini hanya dia (wanita hamil) positif Covid-19 manakala 20 kontak termasuk anak mangsa berusia tiga tahun negatif.

"Kita tidak meholak kemungkinan mangsa mendapat virus berkenaan daripada suaminya memandangkan wanita itu suri rumah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) Khas di Kota Darulnaim di sini,

semalam.

Mengulas lanjut, Dr Zaini berkata, walaupun wanita berkenaan positif namun dia boleh bersalin secara normal dan tidak perlu kepada pembedahan.

"Selepas bersalin, kita perlu menjalani ujian kepada bayinya yang turut berkemungkinan dijangkiti (Covid-19). Apa pun kita akan memberikan perkhidmatan yang terbaik," katanya.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, semua kontak wanita hamil berkenaan perlu berada di rumah termasuk ketika Aidilfitri akan datang.

"Kami akan memastikan semua mereka kekal di rumah dan tidak menerima sebarang tetamu ketika Aidilfitri. Polis akan menjalankan pemeriksaan terhadap semua premis itu, mungkin setiap dua jam sekali supaya mereka kekal di rumah," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

Lelaki 31 tahun positif Covid-19 di Terengganu

Kuala Lumpur: Seorang lelaki berusia 31 tahun di Terengganu disahkan positif Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, lelaki berkenaan dikesan positif virus itu hasil ujian saringan dilakukan terhadapnya.

“Kes itu masih dalam siasatan dan kita sedang mendapatkan maklumat lebih lanjut.

“Fokus siasatan ketika ini adalah mengesan ahli ke-



Fokus siasatan ketika ini adalah mengesan ahli keluarga dan kontak rapat beliau”

Dr Noor Hisham

uarga dan kontak rapat beliau. Ia akan mengambil masa,” katanya dalam sidang media harian Covid-19 di Putrajaya, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

Kanak-kanak 4 tahun kes terbaharu Covid-19 di Sabah

Kota Kinabalu: Sabah mencatatkan satu kes positif Covid-19 baharu kelmarin membabitkan seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun.

Pengarah Kesihatan Negeri Datuk Dr Christina Rundi berkata, kes berkenaan dikategorikan sebagai kes import berikutan dikesan melalui sampel yang diambil di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA).

"Kanak-kanak berkenaan menaiki pesawat komersial daripada Kuala Lumpur ke Sabah bersama ahli keluarganya.

"Bagaimanapun, kes ini sudah ditempatkan di pusat kuarantin setibanya mereka di negeri ini.

"Kanak-kanak berkenaan juga sudah dimasukkan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak (HWKK) Likas semalam (kelmarin) untuk rawatan lanjut," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dalam pada itu, Dr Christina menyatakan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) akan memastikan pengurusan pelajar Sabah di institusi pengajian tinggi (IPT) daripada Semenanjung serta Sarawak yang mempunyai kes positif di-

uruskan secara teratur.

Beliau berkata, pihaknya dimaklumkan terdapat beberapa kes positif dalam kalangan pelajar Sabah di IPT yang sedang menunggu giliran untuk penerbangan balik.

"JKNS akan pastikan pengurusan kontak rapat semua kes ini yang balik ke negeri ini dilaksanakan dengan terbaik.

"Kita tidak mahu ada individu yang menjadi pembawa wabak Covid-19 ke negeri ini. Oleh itu, pemeriksaan rapi harus dijalankan ke atas setiap pelajar yang baru tiba di KKIA," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Pesakit mungkin dijangkiti Covid-19 menerusi suami

KOTA BHARU -

Anak sulung kepada wanita hamil yang positif koronavirus (Covid-19) di negeri ini didapati negatif penyakit berkenaan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, kanak-kanak berusia empat tahun itu serta 20 kontak rapat lain juga negatif Covid-19.

**DR ZAINI**

Beliau bagaimanapun tidak menolak kemungkinan mangsa mendapat virus berkenaan daripada suami kerana mangsa adalah suri rumah.

“Setakat ini hanya wanita itu sahaja didapati positif Covid-19 manakala 20 kontak termasuk anak mangsa negatif.

“10 lagi kontak dengan pesakit berkenaan akan menjalani ujian saringan,” katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan (JKKN) di Kota Darul Naim di sini semalam.

Dr Zaini berkata, ujian saringan juga akan dilakukan terhadap bayi dalam kandungan selepas wanita itu bersalin dan tidak memerlukan pembedahan.

“Kami akan memberikan perkhidmatan terbaik dengan prosedur operasi standard (SOP) ketika wanita itu melahirkan bayinya,” katanya.

Setakat ini hanya wanita itu sahaja didapati positif Covid-19 manakala 20 kontak termasuk anak mangsa negatif.”

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION

Kluster baharu di depot tahanan imigresen

Libatkan 35 warga asing daripada 50 kes baharu Covid-19 di Malaysia

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA



Dr Noor Hisham pada sidang akhbar di Kementerian Kesihatan, Putrajaya semalam.

Seramai 35 warga asing di Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil antara 50 kes baharu positif koronavirus (Covid-19) yang direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes pertama di depot tahanan itu mula dikesan kelmarin menjadikannya sebagai kluster baharu.

di kementerianya di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes-mua kes positif di depoh tersebut melibatkan 17 kes warga Myanmar, selain India (15) dan masing-masing satu kes warga Sri Lanka, Bangladesh dan Mesir.

“Sebenarnya mereka ditahan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan 18 Mac lalu,” katanya.

Menurutnya, pertambahan kes tersebut menjadikan jumlah kumulatif positif Covid-19 di negara ini ialah 7,059 kes dengan jumlah aktif sebanyak 1,149.

Beliau berkata, kes kematian berkaitan Covid-19 kekal 114 manakala seramai 90 pesakit telah pulih dan dibenar discaj semalam.

“Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya ialah sebanyak 5,796 kes bersamaan 82.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes,” katanya.

“Saringan dilakukan terhadap 645 tahanan di Blok A dan mendapati 35 positif Covid-19 manakala 400 negatif dan 210 masih menunggu keputusan,” katanya pada sidang akhbar

Empat kontak rapat pelajar UUM dikuarantin

ALOR SETAR - Satu kes baharu di negeri ini yang direkodkan selepas 28 hari bebas koronavirus (Covid-19) sedang menerima rawatan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini untuk rawatan lanjut.



MOHD FIKRI

Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Mohd Fikri Ujang berkata, susulan itu, empat lagi kontak rapat kepada mangsa yang juga merupakan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) kini ditempatkan di Institut Aminuddin Baki untuk dikuarantin selama 14 hari.

Menurutnya, hanya seorang pelajar disahkan positif selepas melakukan saringan terhadap 287 pelajar UUM yang bakal dihantar pulang ke Sabah dan Sarawak.



“Kita masih siasat pergerakannya, maklumat awal mendapati pelajar berkenaan sentiasa berada di asrama seperti disarankan,” katanya kepada *Sinar Harian* ketika dihubungi di sini semalam.

Dr Mohd Fikri turut menafikan kenyataan yang tular sejak kelmarin berhubung pergerakan pelajar berkenaan yang didakwa mengunjungi dua buah pasar raya terkemuka di Alor Setar.

“Siasatan awal mendapati pelajar terbabit tidak mengunjungi dua buah pasar raya berkenaan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 7,059 | PULIH: 5,796 | ICU: 10 | KEMATIAN: 114 | KES BAHARU: +50

*Dikemas kini pada jam 6 petang 21 Mei 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 7,009 kes kepada 7,059 kes



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Frontliners receive PPE worth RM1.4mil

PUTRAJAYA: The Health Ministry has received personal protective equipment (PPE) worth nearly RM1.4mil for its frontliners from various foundations and corporations in the country.

The contribution included 50,000 sets of PPE worth RM1mil contributed by Yayasan MyPrihatin, with the collaboration of Prudential BSN Takaful Bhd (PruBSN).

"The demand for PPE has gone up due to the Covid-19 pandemic.

"Through Yayasan MyPrihatin's platform Projek Prihatin, we are able to produce PPE to protect our medical frontliners who have sacrificed their energy and personal safety to look after their patients," said PruBSN chief executive officer and PruBSN Prihatin chairman Wan Saifulrizal Wan Ismail.

"Hopefully, this contribution will further boost our healthcare workers, who are most affected physically and mentally because they have to carry out their duties in a high-risk environment," Wan Saifulrizal added.

Wan Saifulrizal and Yayasan MyPrihatin chairman Prof Datuk Dr Halimaton Hamdan handed the contribution to Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba during a simple ceremony yesterday.

Under the Projek Prihatin initiative, some 60 housewives, single mothers and disabled persons from Selangor, Kuala Lumpur and Penang were involved in the production of the PPE.

"The project provides an opportunity for these individuals to generate income during economic difficulties brought on by the pandemic.

"There will be more participants in the future," said Projek Prihatin in a statement.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

20 Hospital Tuaran staff quarantined after patient tests positive

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: More than 20 staff members of Hospital Tuaran have to be quarantined after a patient was tested positive for Covid-19 on Tuesday.

State Health Department director Datuk Dr Christina Rundi said several sections of the hospital needed to be disinfected as well.

She said this was part of the SOP when dealing with Covid-19 cases.

“So there is no need to make assumptions about the situation

and cause unnecessary panic.”

Dr Rundi was responding to messages being circulated on the matter which had caused concern among the people, mainly in Tuaran.

On other matters, she said Sabah recorded one case on Wednesday, bringing the total Covid-19 cases in

the state to 338.

“A total of 30 people are still being treated at the various designated hospitals statewide,” she said.

Dr Rundi said the latest case involved a child who returned from Kuala Lumpur with his family on a commercial flight recently.

As for students who were tested positive recently, she said health officials were making sure that their close contacts were being identified for follow-up action.

She reminded the people to continue maintaining social distancing and practise good hygiene.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally (As of 7pm May 21, 2020)													
Malaysia								New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered		
								50	7,059	114	5,796		
Asean+	India	China	Singapore	Indonesia	Japan	Philippines	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos
Confirmed cases	112,442	82,967	29,812	20,162	16,385	13,434	11,122	3,037	324	199	141	122	19
Deaths	3,438	4,634	22	1,278	771	846	264	56	0	6	1	0	0
Recovered	45,422	78,249	11,207	4,838	12,286	3,000	10,135	2,897	264	108	136	122	14
Global Top 10	US	Russia	Brazil	Spain	UK	Italy	France	Germany	Turkey	Iran			
Confirmed cases	1,593,297	317,554	293,357	279,524	248,293	227,364	181,575	178,531	152,587	129,341			
Deaths	94,948	3,099	18,894	27,888	35,704	32,330	28,132	8,270	4,222	7,249			
Recovered	370,864	92,681	116,683	196,958	N/A	132,282	63,354	158,000	113,987	100,564			

New cluster at Immigration depot

Health DG: 35 detained before MCO started test positive for Covid-19

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: A new Covid-19 cluster has been detected at the Bukit Jalil Immigration Depot, where 35 detainees have tested positive for the disease.

"It is unclear how the detainees have gotten the virus. All of them were detained before the movement control order (MCO) was implemented on March 18," said Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

"We were informed by the International Health Regulation Committee that some of those who were deported home have tested



positive for Covid-19.
"So we screened all those in Block A. Some of them displayed symptoms. In total, 35 of them were found to be Covid-19 positive," he

said at the ministry's daily press conference.

Dr Noor Hisham said there were no new detainees at Block A since the MCO was implemented.

"We were told that those in Block A had not mixed with detainees who came into the centre later than that.

"We need to investigate how they could have gotten the virus. Perhaps from a worker or kitchen staff?"

As at 12pm yesterday, a total of 645 individuals at the detention centre had been tested.

Of that number, there were 35 positive cases and 400 negative. Another 210 test results are pending. The positive cases comprise 17

Myanmar nationals, 15 from India and one each from Sri Lanka, Bangladesh and Egypt.

Decontamination as well as health awareness activities had been conducted at the depot.

Earlier, Dr Noor Hisham announced 50 new cases in the country, including the immigration depot cluster.

Only three out of the 50 new cases were imported, while the rest were local transmissions.

The total number of infections is 7,059, but only 1,149 of them are active cases.

Ninety patients were discharged yesterday, which means 5,796 or 82.1% people have recovered so far.

The national death toll remains at 114.

On the recent Covid-19 case involving a pregnant woman in Kelantan, Dr Noor Hisham said 30 of her family members had been tested.

"Twenty of them have tested negative while the results for the rest are pending.

"We are also tracing the woman's close contacts, both at her destination in Kelantan as well as in Ampang, Selangor, where she travelled from," he said.

The woman, who is 35 weeks pregnant, went to Kuala Krai with the intention of giving birth in her home state.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

'Contact tracing of Bukit Jalil cluster is ongoing'

PUTRAJAYA: The Health Ministry is carrying out contact tracing of Covid-19 cases following the detection of 35 cases at the Bukit Jalil Immigration detention centre.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry had adopted a targeted approach for this purpose, focusing on cause of infections, close contacts, risk assessment for those involved, as well as screening and testing processes.

"Positive cases have been isolated and are being treated at the hospital, while close contacts are being placed under surveillance in accordance with Section 15(1) of Act 342 (Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988).

"The Health Ministry will continue to work with the Immigration Department, police and other agencies in managing Covid-19 cases at the Immigration detention depots," he said yesterday.

He said prevention and containments efforts were carried out at the centres, including disinfection, health education such as personal hygiene protection, washing hands with water and soap frequently, and emphasising social distancing.

The ministry, through its medical teams, also provided sched-

uled healthcare services at all depots, he said.

He said the cases at the Bukit Jalil Immigration detention centre involved foreigners who were detained even before the start of the Movement Control Order (MCO) on March 18.

"A total of 645 people have been screened and tested, of which 400 samples turned out negative.

"A further 210 samples are still awaiting results."

Dr Noor Hisham said the positive cases comprised citizens of Myanmar (17), India (15), Sri Lanka (one), Bangladesh (one) and Egypt (one).

The cause of infections was still being investigated, he said.

He said the ministry was still investigating the source of infection of a pregnant woman who recently travelled to Kelantan from Ampang, Selangor.

Dr Noor Hisham said tests were conducted on family members of the patient.

He said 20 of her family members tested negative for Covid-19, and another 10 were still waiting for results.

"For close contacts, we will trace them and check whether

the virus was contracted at the destination (Kelantan) or origin (of patient) in Ampang.

"We will conduct active case detection among close contacts in Ampang."

On daily Covid-19 updates, Dr Noor Hisham said 50 new Covid-19 cases were reported yesterday, bringing the tally to 7,059 nationwide, with 1,149 active cases.

He said another 90 were discharged from hospitals, bringing the total number of patients who have recovered from the virus to 5,796 (82.1 per cent).

"Of the total new cases reported today (yesterday), three were imported and contracted abroad. Of the 47 locally-transmitted cases, 41 involve foreigners."

Ten Covid-19 patients are currently in the intensive care unit, with seven of them requiring breathing assistance.

He said there were no deaths notified by the Crisis Preparedness and Response Centre yesterday, with the death toll remaining at 114 (1.61 per cent of the cumulative cases).

The Health Ministry also said

that 13 Covid-19 clusters have ended, including the two recently announced by the ministry on May 18.

According to Bernama, the ministry, in its official Facebook page, said they were the Section 6 Bandar Baru Bangi, senior citizens (senior care centre), Bandar Baru Bangi (wedding event), Selayang (daily market), Rembau, Pakistani Tabligh, Sungai Buloh health workers, Pekan, Pasir Gudang factory, BBIM, Tabligh Makassar Sabah, Pengerang and Istana Negara clusters.

The ministry also clarified that "Cluster Declared Over" meant that no new cases were recorded in a particular cluster based on a specified period.

"The main criterion for a cluster to be declared over is when there are no new cases after two incubation periods (one incubation period equals 14 days), which is 28 days after the symptom date of the last case or the Covid-19 positive date, if the last case had no symptoms.

"For example, cluster A. Say the last date for a positive case (no symptoms) in the cluster is April 1, this means that the expected expiration for cluster A is April 29.

"In this case, we can see that the period between April 1 and April 29 equals to 28 days."



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

50 Covid-19 cases reported, new cluster detected

■ BY KEVIN DAVASAGAYAM
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Fifty new cases of Covid-19 were detected as of noon yesterday, bringing the total number nationwide to 7,050.

Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah, who made the announcement at his daily media briefing yesterday, added that the number of active cases in the country currently stands at 1,149.

On the bright side, another 90 people have recovered and were discharged from hospital yesterday.

Noor Hisham said this brings the total number of people who have recovered to 5,796, representing an 82.1% recovery rate.

He said out of the 50 cases reported yesterday, three were imported cases. Malaysians accounted for only nine of the new cases reported yesterday. The remaining 41 are non-citizens.

He added as of yesterday, 10 cases were being treated in the intensive care unit and among them, seven require respiratory aid.

Noor Hisham said there were no fatalities yesterday, with the death toll remaining at 114, making up 1.61% of the total number of infections so far.

Noor Hisham said 35 cases were detected at an Immigration Department depot in Bukit Jalil and these individuals have been in detention since before the movement control order was imposed on March 18.

He said these were from a new cluster, adding 645 people were present at the depot and 35 of them tested positive for Covid-19.

Test results are still pending for 210 of them but the remaining 400 tested negative.

"All 35 cases involve foreign citizens comprising 17 Myanmar nationals, 15 Indian nationals, one Sri Lankan, one Bangladeshi and an Egyptian," Noor Hisham said, adding that the source of infection is still under investigation.